



AS A RELATIVELY NEW PLAYER IN THE INDUSTRY, HOW HAS TAKAFUL IKHLAS BEEN FARING?

In a word, **great!** Business has been extremely good since we commenced operations 3 years ago. And we have not looked back since. Although we may be a new kid on the block, the Company comprises insurance veterans, many of whom are takaful specialists. Given our wide array of products, strong distribution/service channels and extensive agency network and the huge market potential for Islamic financial protection services, our future prospects look extremely bright.



SEBAGAI SEBUAH SYARIKAT YANG AGAK BARU DALAM INDUSTRI, BAGAIMANAKAH PRESTASI TAKAFUL IKHLAS SETAKAT INI?

Jika disimpulkan dalam satu perkataan, prestasi Takaful IKHLAS setakat ini adalah, **cemerlang!** Prestasi perniagaan adalah amat menggalakkan sejak kami memulakan operasi 3 tahun lalu. Dan sejak itu, kami tidak pernah berhenti berusaha. Walaupun kami merupakan sebuah syarikat baru dalam industri, namun Syarikat ini dipimpin oleh tokoh-tokoh veteran insurans yang kebanyakannya terdiri daripada pakar-pakar takaful. Dengan penawaran pelbagai produk, saluran pengedaran/perkhidmatan yang kukuh dan rangkaian agensi yang luas, serta potensi pasaran yang besar dalam perkhidmatan perlindungan kewangan Islam, prospek masa depan perniagaan kami adalah amat memberangsangkan.

Haji Syed Moheeb bin Syed Kamarulzaman

Managing Director/Pengarah Urusan
Takaful Ikhlas Sdn. Bhd.

our takaful arm

SYARIKAT TAKAFUL KAMI

TAKAFUL IKHLAS
SDN. BHD.

TAKAFUL IKHLAS, HAVING
ACHIEVED AN IMPRESSIVE
GROWTH RATE WITHIN THREE
YEARS OF OPERATIONS, IS WELL
POSITIONED TO BE THE
PREFERRED PROVIDER OF
ISLAMIC FINANCIAL
PROTECTION SERVICES.

DENGAN KADAR PERTUMBUHAN
YANG MENGAGUMKAN DALAM
TEMPOH OPERASI SELAMA TIGA
TAHUN, TAKAFUL IKHLAS KINI
BERADA DALAM KEDUDUKAN
YANG TEGUH UNTUK MENJADI
SEBUAH PENYEDIA
PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN
KEWANGAN ISLAM PILIHAN.



TAKAFUL IKHLAS'S corporate profile

profil TAKAFUL IKHLAS

Takaful IKHLAS has, within the first three years of our operations, established a strong presence in the provision of Islamic financial protection services. Today, our reputation in the market as a dynamic 'brand' precedes us.

Thus far, more than 350,000 individuals and corporations have placed their trust in us, and become our participants (policyholders).

Our commitment and adherence to values that we cherish, coupled with the application of appropriate technology in conducting business, have earned us a sound reputation for our ethical approach and service delivery.

Our portfolio comprises a comprehensive range of Family, General and Group Takaful Plans and Riders for individuals and commercial enterprises, with more being planned in the not too distant future. Our distribution/service channels comprise of highly knowledgeable and well-trained people with whom our staff work closely. These channels comprise of 4,000 agency personnel, brokers, financial institutions, motor franchise-holders, co-operatives and Islamic organisations.

Within three years, we have established an extensive agency network with our presence in all the major centers as well as a number of smaller towns throughout Peninsular Malaysia including Sabah and Sarawak. The high ethical standards we have set for our staff and business partners, can be seen in our responsiveness to our customers and our reputation for fair and fast claims. We have no 'backlog' in claim payments with approvals given within 24 hours in many cases.

In line with our commitment to excellence, we have put in place a performance management system, based on meritocracy, for our employees. We have also engaged consultants to conduct a thorough competency map for all employees with a view to enhancing their skills set. We have also conducted a value-system based programme for all our employees to further inculcate conformity to our core values.

Our use of technology has been both deliberated and well thought out. Towards this end, we have invested considerably in this area in support of our philosophy of creating efficiency and effectiveness in serving our participants and business partners.

Aside from acquiring the latest technology to drive our front- and back-end processes, and integrate the same, we were among the first to utilise the e-Covernote System linking Takaful IKHLAS with the Road Transport Department or JPJ. Additionally, we have in place an Electronic Claims Estimation System that considerably speeds up the assessment of motor claims. We have also deployed an agency portal called I-POS that enables agents to track their business portfolios.

Dalam tempoh tiga tahun pertama operasi kami, Takaful IKHLAS telah mengukuhkan kehadirannya dalam penyediaan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam. Kini reputasi kami dalam pasaran sebagai satu 'jenama' dinamik begitu dikenali ramai.

Hingga kini, lebih daripada 350,000 individu dan syarikat telah meletakkan kepercayaan mereka kepada kami dan menjadi pemegang sijil (polisi).

Komitmen dan pegangan kami kepada nilai-nilai yang amat kami hargai, bersama-sama dengan penggunaan teknologi yang bersesuaian dengan perjalanan perniagaan, telah membina nama baik kami atas pendekatan dan penyediaan perkhidmatan yang beretika.

Portfolio kami meliputi rangkaian Pelan Takaful Keluarga, Am dan Kumpulan serta rider-rider untuk individu dan usahaniaga komersial. Banyak lagi produk dan perkhidmatan yang sedang kami rancang untuk jangkamasa yang terdekat. Saluran pendedaran/perkhidmatan kami yang terdiri daripada mereka yang berpengetahuan tinggi dan terlatih sentiasa bekerjasama rapat dengan warga kerja kami. Saluran-saluran ini terdiri daripada 4,000 orang wakil agensi, broker, institusi kewangan, pemegang francais kenderaan bermotor, koperasi dan organisasi-organisasi Islam.

Dalam tempoh tiga tahun, kami telah mewujudkan rangkaian agensi yang luas dengan kehadiran kami di semua pusat bandar utama serta beberapa bandar kecil, di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Tahap piawaian etika tinggi yang telah kami tetapkan untuk warga kerja dan rakan perniagaan, dapat dilihat menerusi tindak balas kami yang pantas terhadap para pelanggan dan reputasi kami dalam perkhidmatan tuntutan yang adil dan cepat. Kami tidak mempunyai sebarang pembayaran tuntutan 'tertunggak' dengan kelulusan diproses dalam masa 24 jam bagi kebanyakan kes.

Selari dengan komitmen kami untuk mencapai kecemerlangan, kami telah menyediakan satu sistem pengurusan prestasi yang berdasarkan kepada meritokrasi untuk warga kerja kami. Kami turut mendapatkan khidmat perunding untuk menjalankan kajian daya kecekapan yang menyeluruh untuk semua warga kerja bagi mempertingkatkan kebolehan mereka. Kami juga melaksanakan program berdasarkan sistem nilai bagi semua warga kerja untuk memastikan mereka terus mematuhi nilai teras kami.

Penggunaan teknologi kami dikaji dan diteliti terlebih dahulu. Hingga kini, kami telah membuat pelaburan yang besar dalam bidang ini sebagai menyokong falsafah kami untuk mewujudkan kecekapan dan keberkesanan dalam memberi perkhidmatan kepada para pemegang sijil dan rakan perniagaan kami.

Selain daripada menggunakan teknologi terkini untuk memacu proses di barisan hadapan dan di belakang kami, serta menyepadukan kedua-duanya, kami juga merupakan antara syarikat yang pertama menggunakan Sistem e-Nota



On the corporate front, our parent company, MNRB Holdings Berhad (MNRB) or formerly known as Malaysian National Reinsurance Berhad, has increased our Paid-Up Capital to RM100 Million in compliance with the requirements of the authorities and grow our business in the Takaful industry.

Looking ahead, the prospects for the next two years looks promising for not only our Company but also for our participants and business partners as we further consolidate our position and strive to provide better benefits to all our stakeholders. Insha Allah, much will be accomplished. Our objective is to establish Takaful IKHLAS as the preferred provider of Islamic financial protection services and we will leave no stone unturned to achieve this.

OUR PARENT COMPANY

Incorporated in 1972, MNRB Holdings Berhad (MNRB), formerly known as Malaysian National Reinsurance Berhad, is an investment holding company with subsidiaries involved in the reinsurance and insurance business. Listed on the Main Board of the Bursa Malaysia Securities Berhad, MNRB Group recorded a RM751 million turnover for the financial year ended 31 March, 2006.

MNRB's Group shareholders' fund has increased to RM748 million during the same period with total assets worth over RM1.77 billion. The major shareholder of MNRB is Permodalan Nasional Berhad, through Skim Amanah Saham Bumiputera.

BUSINESS APPROACH

At Takaful IKHLAS, we operate and manage our business in accordance with Shariah principles. We are fully committed to ensuring fairness in all our dealings. As such, all operational matters, investment dealings, management and marketing of our business are overseen by the Shariah Advisory Committee, headed by Y. Bhg. Dato' Mohd. Mokhtar Shafii, who sits on the Selangor Fatwa Council.

We are committed to effectively and efficiently solving customers' problems when it involves claims and compensations. Because, the sooner we help our participants, the faster it is for them to get on with life. We do this to make 'ease of doing business' a reality, not a mere slogan on the wall. Above all else, we are *IKHLAS*.

Lindungan yang menghubungkan Takaful IKHLAS dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ. Selain itu, kami juga mempunyai satu Sistem Anggaran Tuntutan Elektronik yang berupaya mempercepatkan proses penilaian tuntutan kenderaan bermotor. Kami juga, turut melancarkan portal agensi, I-POS yang membolehkan para ejen menyemak portfolio perniagaan mereka.

Dari sudut korporat, syarikat induk kami, MNRB Holdings Berhad (MNRB) atau dahulunya dikenali sebagai Malaysian National Reinsurance Berhad, telah meningkatkan Modal Berbayar kami kepada RM100 juta bagi memenuhi keperluan pihak berkuasa selain mengembangkan perniagaan kami dalam industri Takaful.

Memandang ke hadapan, prospek bagi dua tahun yang akan datang menjanjikan pencapaian yang lebih baik bukan hanya kepada Syarikat, bahkan kepada para pemegang sijil dan rakan perniagaan kami. Ini selaras dengan usaha kami untuk mengukuhkan lagi kedudukan dan memberi peluang yang lebih baik kepada semua pemegang kepentingan kami. Insha Allah, lebih banyak kejayaan akan dicapai. Matlamat kami adalah untuk menjadikan Takaful IKHLAS sebagai perkhidmatan perlindungan kewangan Islam pilihan dan kami pastikan segala usaha akan dilaksanakan untuk memenuhi hasrat ini.

SYARIKAT INDUK KAMI

Diperbadankan pada tahun 1972, MNRB Holdings Berhad (MNRB) yang dahulunya dikenali sebagai Malaysian National Reinsurance Berhad, merupakan sebuah syarikat pegangan pelaburan yang mempunyai anak-anak syarikat terlibat dalam perniagaan insurans semula dan insurans. Kumpulan MNRB yang disenaraikan di papan utama Bursa Malaysia Securities Berhad telah mencatat perolehan sebanyak RM751 juta pada tahun kewangan berakhir 31 Mac, 2006.

Dana pemegang saham Kumpulan MNRB telah meningkat kepada RM748 juta pada tempoh kumpulan yang sama dengan jumlah aset bernilai lebih RM1.77 bilion. Pemegang saham utama MNRB adalah Permodalan Nasional Berhad melalui Skim Amanah Saham Bumiputera.

PENDEKATAN PERNIAGAAN

Kami di Takaful IKHLAS beroperasi serta menguruskan perniagaan kami berlandaskan prinsip-prinsip Syariah. Sesungguhnya kami komited untuk memastikan kesaksamaan dan keadilan sebagai teras dalam semua urusan kami. Selaras dengan itu, semua aspek operasi, urusan pelaburan, pengurusan dan pemasaran perniagaan kami akan dikawalselia oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah yang diketuai oleh Y. Bhg. Dato' Mohd. Mokhtar Shafii, Ahli Majlis Fatwa Selangor.

Kami sentiasa berusaha menyelesaikan masalah pelanggan secara efektif dan efisien terutamanya yang melibatkan aspek tuntutan dan gantirugi. Ini kerana lebih cepat kami membantu para peserta kami, lebih mudah bagi mereka untuk meneruskan kehidupan. Kami lakukan semua ini bagi memastikan falsafah 'menjalankan perniagaan dengan mudah' sebagai suatu kenyataan, bukan sekadar slogan semata-mata. Ini adalah kerana sesungguhnya, kami *IKHLAS*.



VISION

Takaful IKHLAS aspires to be the preferred provider of financial protection services guided by Islamic principles and values.

MISSION

We are committed to delivering value-added products and quality services through competent staff, effective distribution networks and a technology that supports efficient business management and innovation in a creative, dynamic and aggressive environment. Business acquisition will be driven by a clear understanding of market needs and orderly growth.

CORE VALUES

Our values transcend throughout the entire organisation. These principles will guide us to succeed in our business, and will serve us well ahead into the future from day-to-day business operation to product development and customer service.

Islamic Values

We shall establish a fully moral and ethical company whose people are strong in religious values and live by the highest ethical standards.

Our Company

We shall build a Team that takes personal responsibility for the delivery of our services and promises to our participants and business partners. We shall consciously seek to develop our staff and agents in their chosen careers and instil in them a sense of pride and ownership in the Company.

Financial Strength

We shall earn the confidence of our participants by building a reputation for fair and prompt claims services and ensuring the financial stability of the Company. We believe that these form the foundation of their security.

Customer Centric

We believe that by being proactive and meeting the changing needs of our participants through value-added products and services, we will meet the aspirations of all our stakeholders.

Quality Culture

We believe in doing the right things right the first time and every time. Quality and continuous improvement shall be the key drivers in all our management processes.

VISI

Takaful IKHLAS berazam untuk menjadi penyedia perkhidmatan perlindungan kewangan pilihan berasaskan prinsip-prinsip dan nilai-nilai Islam.

MISI

Kami beriltizam untuk menyediakan produk-produk bernilai tambah dan perkhidmatan berkualiti melalui warga kerja yang cekap, rangkaian pengedaran yang berkesan dan teknologi yang membantu kecekapan dan inovasi dalam pengurusan perniagaan, dalam persekitaran yang kreatif, dinamik dan agresif. Pelaksanaan perniagaan akan berteraskan kefahaman yang jelas mengenai keperluan pasaran dan pertumbuhan yang terancang.

NILAI TERAS

Nilai-nilai kami meliputi keseluruhan organisasi ini. Prinsip-prinsip inilah yang akan menjadi panduan kami untuk berjaya dalam perniagaan, serta membantu kami menghadapi masa depan - dari operasi perniagaan harian hinggalah kepada pembangunan produk dan perkhidmatan pelanggan.

Nilai-Nilai Islam

Kami bertekad untuk membangunkan sebuah syarikat yang bermoral dan beretika di mana warga kerjanya berpegang teguh kepada nilai-nilai agama dan mengamalkan nilai etika yang terbaik.

Syarikat Kami

Kami bertekad untuk membentuk warga kerja yang mampu memberi perkhidmatan terbaik dan menepati janji kepada para peserta dan rakan perniagaan kami, selain menjadikan segala urusan sebagai tanggungjawab peribadi. Kami akan berusaha untuk memajukan warga kerja dan ejen kami dalam kerjaya pilihan mereka serta menyemai rasa jati diri dan menganggap Syarikat adalah milik bersama.

Kestabilan Kewangan

Kami bertekad mendapatkan keyakinan para peserta kami menerusi reputasi perkhidmatan terbaik dengan menawarkan perkhidmatan tuntutan pampasan yang tepat dan cekap serta memastikan kestabilan kedudukan kewangan Syarikat. Kami percaya ini akan menjadi asas untuk menjamin keyakinan para peserta kami.

Mengutamakan Pelanggan

Kami percaya dengan mengamalkan sikap proaktif dan sentiasa berusaha untuk memenuhi keperluan dan keinginan para peserta yang sentiasa berubah, menerusi penghasilan produk dan perkhidmatan bernilai tambah, kami akan berupaya memenuhi aspirasi para pemegang saham kami.

Budaya Kualiti

Kami bertekad untuk melakukan setiap perkara dengan betul pada kali pertama dan pada setiap kali ianya dilakukan. Kualiti dan peningkatan berterusan akan menjadi pendorong utama dalam semua proses pengurusan kami.



THE CONCEPT OF TAKAFUL

Takaful is an insurance concept which is grounded in Islamic Muamalat, observing the rules and regulations of Shariah. It is a concept that has been in practice for over 1,400 years.

In principle, Takaful system is based on mutual cooperation, responsibility, assurance, protection and assistance between groups of participants.

In other words, it is the provision of shared contributions to help those who are in need.

These fundamentals are based on the sayings of Prophet Muhammad s.a.w. Some of the examples are:

Basis of Co-operation

Allah will always help his servant for as long as he helps others.

(Narrated by Imam Ahmad and Imam Abu Daud)

Basis of Responsibility

The place of relationships and feelings of people with faith, between each other, is just like the body; when one of its parts is afflicted with pain, then the rest of the body will be affected. (Narrated by Imam al-Bukhari and Imam Muslim).

One true Muslim (Mu'min) and another true Muslim (Mu'min) is just like a building whereby every part in it strengthens the other part. (Narrated by Imam al-Bukhari and Imam Muslim).

Basis of Mutual Protection

By my life, which is in Allah's power, nobody will enter Paradise if he does not protect his neighbour who is in distress. (Narrated by Imam Ahmad).

Based on the above hadith, Islamic scholars had decided that there should be a concerted effort to implement the Takaful concept as the best way to resolve these needs.

Understanding the Takaful Contract

The current Takaful practice uses a combination of two types of 'Aqad (contract). These are the Tabarru' (donation) and Mudharabah (investment) contracts which are free from the elements of Riba (interest), Maisir (gambling) and Gharar (uncertainty).

In the Tabarru' contract, participants agree to donate or contribute to a fund with a sincere intention of helping each other to assume the monetary losses and misfortunes that may befall any of them.

In the Mudharabah contract, however, participants contribute to a fund that is managed by the Takaful company and share in the profits from such investment.

KONSEP TAKAFUL

Takaful merupakan salah satu konsep insurans yang berasaskan Muamalat Islam, yang berlandaskan hukum Syariah. Konsep ini sebenarnya telah pun diamalkan sejak lebih 1,400 tahun.

Pada asasnya, sistem Takaful berteraskan konsep kerjasama, tanggungjawab, jaminan, perlindungan dan saling membantu di kalangan para pesertanya.

Dalam erti kata lain, ia merupakan penyediaan sumbangan yang dikongsi bersama bagi membantu mereka yang memerlukan.

Asas falsafah ini adalah berpandukan kepada beberapa hadith Rasulullah s.a.w. yang antaranya:

Dalil Kerjasama

Allah akan sentiasa membantu hamba-Nya selagi mereka saling membantu antara satu sama lain.

(Diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan Imam Abu Daud)

Dalil Tanggungjawab

Ibarat hubungan dan perasaan orang-orang beriman sesama mereka adalah seperti jasad, apabila salah satu daripadanya ditimpa kesusahan, maka seluruh anggota yang lain juga akan merasainya. (Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Muslim yang sebenar (Mu'min) dengan Muslim yang lain (Mu'min) diibaratkan seperti bangunan di mana setiap bahagian menyokong bahagian yang lain. (Diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)

Dalil Saling Melindungi

Demi hayatku yang berada dalam kekuasaan Allah, tiada siapa akan masuk Syurga jika beliau tidak melindungi jirannya yang berada dalam kesusahan. (Diriwayatkan oleh Imam Ahmad)

Berasaskan hadith di atas, para ilmuan Islam memutuskan bahawa usaha bersepadu perlu wujud untuk melaksanakan konsep Takaful sebagai kaedah terbaik untuk memenuhi tuntutan ini.

Memahami Kontrak Takaful

Amalan Takaful yang dipraktikkan sekarang menggunakan gabungan dua jenis 'Aqad (kontrak). Ianya adalah kontrak Tabarru' (derma) dan Mudharabah (pelaburan) yang bebas daripada sebarang unsur Riba (faedah), Maisir (perjudian) dan Gharar (tidak jelas).

Dalam kontrak Tabarru', para peserta bersetuju menderma atau menyumbang kepada suatu dana dengan niat ikhlas untuk saling membantu menampung sebarang kerugian dari segi kewangan dan kesusahan yang mungkin menimpa salah seorang daripada mereka.

Melalui kontrak Mudharabah pula, para peserta menyumbang kepada suatu dana yang diuruskan oleh sesebuah syarikat/pengendali Takaful dan berkongsi keuntungan daripada pelaburan tersebut.



THE BENEFITS OF TAKAFUL

The Takaful system stresses the spirit of co-operation and joint responsibility among participants. As a result, it allows the participants the opportunity to obtain two forms of profit. Firstly, the monetary benefits through the Takaful plan and the Mudharabah arrangement.

Secondly, it is "profits" in the spiritual sense, whereby participants can fulfil their religious and social responsibilities through Tabarru'. The added value of this concept is that, it is not just for the benefit of Muslims, but is meant to benefit all participants, irrespective of their religious beliefs.

TAKAFUL IKHLAS MODEL

Islam does not object to insurance per se. Nevertheless, as conventional insurance involves the elements of Gharar (uncertainty), Maisir (gambling) and Riba (interest) in the insurance contract, it contravenes Shariah principles. Which is why Takaful seeks to bridge the areas deemed objectionable by the Shariah for the benefit of society. This allows a Muslim to have an alternative form of protection against the risk of loss due to misfortunes.

In line with international and local developments in the practice of Islamic financial protection services, Takaful IKHLAS has adopted the Wakalah system and has modelled our operations accordingly. Wakalah is a form of representative relationship between Takaful IKHLAS and a participant (Principal/Customer).

Takaful IKHLAS employs the following contracts to govern our business:

- Tabarru' contract where the participant agrees to donate a pre-determined percentage of contribution to the fund to provide assistance to fellow participants.
- Al-Wakalah contract where the participant authorises Takaful IKHLAS to conduct the affairs of the Risk and Special Fund on his/her behalf.

Takaful IKHLAS Model allows the use of intermediaries as a medium to better serve the customers' needs, payment of surpluses and profits, where applicable to participants and calculation of shared benefits on a monthly basis.

KEISTIMEWAAN/MANFAAT TAKAFUL

Sistem Takaful memberi penekanan terhadap semangat kerjasama dan tanggungjawab sesama para peserta. Ini memberikan peluang kepada para peserta untuk mendapat manfaat dalam dua bentuk. Pertama, keuntungan dari segi kewangan menerusi pelan Takaful dan pelaksanaan Mudharabah.

Kedua, "manfaat" dari segi rohaniah di mana para peserta dapat memenuhi tanggungjawab yang disyariatkan oleh agama dan tuntutan sosial melalui kaedah Tabarru'. Keistimewaan tambahan daripada konsep ini ialah ia tidak hanya bermanfaat kepada Muslim semata-mata, malah ia turut memberi kebaikan kepada semua peserta tanpa mengira pegangan agama mereka.

MODEL TAKAFUL IKHLAS

Islam tidak melarang kontrak insurans secara mutlak. Namun begitu, disebabkan kontrak insurans konvensional melibatkan unsur Gharar (tidak jelas), Maisir (perjudian) dan Riba (faedah), menyebabkan ianya bertentangan dengan hukum Syariah. Inilah sebabnya, sistem Takaful telah dikenalpasti berupaya membendung amalan-amalan yang ditegah oleh Syariah dan ternyata mampu menjaga kebajikan masyarakat keseluruhannya. Ini bagi membolehkan seseorang Muslim mendapat perlindungan alternatif daripada risiko kerugian disebabkan kesusahan yang menimpanya.

Sejajar dengan perkembangan perkhidmatan perlindungan kewangan Islam di peringkat antarabangsa dan tempatan, Takaful IKHLAS telah memilih sistem Wakalah sebagai model dalam membentuk asas operasi kami. Wakalah adalah satu bentuk perhubungan perwakilan di antara Takaful IKHLAS dan seseorang peserta (Prinsipal/Pelanggan).


Takaful IKHLAS menggunakan kontrak berikut sebagai garis panduan perniagaan kami:

- Kontrak Tabarru' di mana peserta bersetuju mendermakan peratusan yang telah ditentukan daripada sumbangan kepada dana untuk membantu peserta lain.
- Kontrak Al-Wakalah di mana peserta membenarkan Takaful IKHLAS untuk menguruskan hal-ehwal dana bagi pihak beliau.

Model Takaful IKHLAS membolehkan penggunaan pihak ketiga sebagai pengantara untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan, membuat pembayaran lebih dan keuntungan kepada peserta, jika ada dan membuat pengiraan keuntungan bersama secara bulanan.



Takaful IKHLAS MODEL/MODEL Takaful IKHLAS



Note/Nota:

For GRIA, a portion of the contribution in the investment account is set aside for tabarru' at the onset which will be dripped on a monthly basis to the risk fund (RF). Any investment income derived from this amount (tabarru') in the investment account shall be allocated to the risk fund (RF). In this instance, IKHLAS will not charge a Fund Management Fee (%). Net surplus distribution will be allocated and administered on an annual basis. Bagi GRIA, sebahagian daripada sumbangan dalam akaun pelaburan akan diketepikan untuk tabarru' semasa permulaan sijil yang akan diagihkan secara bulanan kepada dana risiko (RF). Sebarang pendapatan pelaburan yang diperolehi daripada jumlah ini di dalam akaun (tabarru') pelaburan akan diperuntukkan kepada dana risiko (RF). Dari sudut ini, IKHLAS tidak akan mengenakan Yuran Pengurusan Dana (%). Pengagihan lebihan bersih akan diperuntukkan dan diuruskan secara tahunan.

INNOVATIVE PRODUCTS AND QUALITY SERVICES

We aim to provide comprehensive family and general Takaful protection. We place strong emphasis on product innovation coupled with differentiating features to ensure market acceptance.

Our family protection products focus on savings or investment-linked plans and mortgage protection plans. The general protection offerings feature innovative plans to cover properties such as vehicles, buildings and other assets. In the long-term, we will continue to broaden our product range to meet the changing needs of customers.

These plans are underwritten to cater for various categories of customers, from middle to lower-income groups including the rural markets, as part of our social responsibility.

Our services, on the other hand, are supported by state-of-the-art technology, designed to ensure accuracy and timeliness of information. This will help enhance our efficiency and professionalism when dealing with customers, as well as add value for our stakeholders.

PRODUK BERINOVATIF & PERKHIDMATAN BERKUALITI

Kami bertekad untuk menyediakan perlindungan Takaful keluarga dan am secara komprehensif. Kami memberikan penekanan utama terhadap inovasi produk yang menawarkan ciri-ciri kelainan bagi memastikan penerimaan pasaran.

Produk perlindungan keluarga kami memberi tumpuan terhadap simpanan atau pelan berkaitan pelaburan serta pelan perlindungan gadai janji. Perlindungan am pula menawarkan pelan-pelan berinovatif untuk melindungi harta seperti kenderaan, bangunan dan aset-aset lain. Dalam tempoh jangka panjang, kami akan terus memperluaskan rangkaian produk kami bagi memenuhi keperluan dan keinginan para pelanggan yang sentiasa berubah.

Pelan-pelan ini diunderait bagi memenuhi keperluan pelbagai kategori pelanggan, dari golongan berpendapatan sederhana hinggalah golongan berpendapatan rendah meliputi pasaran luar bandar, sebagai memenuhi sebahagian daripada tanggungjawab sosial kami.

Dalam pada itu, perkhidmatan kami disokong oleh teknologi canggih yang direka bagi memastikan maklumat yang tepat dan menepati masa. Ini akan membantu mempertingkatkan kecekapan dan tahap profesionalisme kami semasa berurusan dengan para pelanggan, di samping memberi nilai tambahan dalam perkhidmatan kepada semua pihak yang berkepentingan.

Amongst the support that Takaful IKHLAS has in place are:

1. "Point of Sales" System

This system provides direct linkage to quotations and sales illustrations, which are convertible policies. It also generates Financial Need Analysis, online underwriting and approval.

2. Electronic Claims Estimation System

This system is able to electronically transmit estimates and claims information between Takaful IKHLAS, the motor repairer and external adjuster. All claims are approved within 24 hours.

3. BANTUAN IKHLAS, 24 Hours Roadside Assistance

This service provides 365 days of round-the-clock assistance to participants in the event of an accident or breakdown. Upon request, the call centre can help deploy towing facility, allowing your vehicle to be sent to the nearest panel workshop.

4. e-Covernote

This service is electronically linked to JPJ Insurance System. It provides online, hassle-free renewal and issuance of cover note and road tax disc at a single location. This is part of our desire to provide related services under one roof to our participants.

5. e-IKHLAS

As part of the Company's continuous efforts to introduce new transaction channels, Takaful IKHLAS recently launched its latest channel, e-IKHLAS. This transaction mode allows customers to purchase motor policy, both new and renewal, online directly with Takaful IKHLAS.

Antara perkhidmatan sokongan yang dimanfaatkan oleh Takaful IKHLAS adalah:

1. "Point Of Sales System"

Sistem ini memberikan hubungan terus kepada sebutharga dan ilustrasi jualan, yang boleh ditukarkan menjadi polisi. Ia juga menyediakan Analisis Keperluan Kewangan, pengunderaitan dan kelulusan secara "online".

2. Sistem Anggaran Tuntutan Elektronik

Sistem secara elektronik ini berupaya menghantar maklumat mengenai anggaran tuntutan di antara Takaful IKHLAS, pembaikpulihan kenderaan dan penyelaras tuntutan luaran. Semua tuntutan pampasan akan diluluskan dalam tempoh 24 jam.

3. BANTUAN IKHLAS, 24 Jam Bantuan Kerosakan Di Jalanraya

Perkhidmatan ini menawarkan bantuan 24 jam, 365 hari setahun kepada para peserta sekiranya berlaku kemalangan atau kerosakan kenderaan. Sekiranya diminta, pusat panggilan akan menghantar kemudahan menunda, bagi membolehkan kenderaan anda dihantar ke panel bengkel kenderaan yang berhampiran.

4. e-Nota Lindungan

Perkhidmatan ini dihubungkan secara elektronik kepada Sistem Insurans JPJ. Ia memudahkan urusan memperbaharui dan mengeluarkan nota lindungan insurans dan cakerua cukai jalan dengan menyediakan pusat perkhidmatan setempat. Ini merupakan sebahagian daripada hasrat kami dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan kepada para peserta kami.

5. e-IKHLAS

Sebagai salah satu usaha berterusan Syarikat untuk memperkenalkan saluran transaksi yang inovatif, Takaful IKHLAS telah melancarkan e-IKHLAS. Saluran transaksi ini membolehkan para pelanggan mendapatkan polisi kenderaan bermotor mereka, samada polisi baru atau pembaharuan, secara terus melalui internet dari Takaful IKHLAS.



DEDICATED PEOPLE & COMPREHENSIVE NETWORK

Our people are the soul of our Company and we are confident that this committed workforce, operating in a creative, dynamic and rewarding environment, will help us grow to greater heights.

To nurture our people, we constantly provide the right motivation to encourage them to perform their best in all aspects of their duties. To help enhance their skills set and knowledge, integrated training and development programmes are conducted periodically, for all personnel at all levels. This, we believe, will prepare our people to assume greater responsibilities and deliver superior results.

Takaful IKHLAS endeavours to create a comprehensive network of offices and customer service centres, beginning with strategic market centres such as Kuala Lumpur and major towns, eventually, a nationwide presence.

These offices and centres are equipped with the latest information and communication technology. They operate as hubs, connecting our business partners, as well as allowing customers direct access to our services.

SENIOR MANAGEMENT TEAM

Our team of experienced industry professionals are determined to spearhead Takaful IKHLAS into becoming the preferred provider of Islamic financial protection services.

Having more than 200 years of collective experience in the insurance and related industries, senior members of our team hold a great wealth of expertise and hands-on know-how, garnered from their leadership roles in various organizations.

At a glance, our senior people hold qualifications in Economics, Accounting, Business Administration, Marketing, Mechanical Engineering, Computer Science, Actuarial Science, Statistics, HR Development and Shariah Law.

With our wealth of quality people, Takaful IKHLAS is confident of meeting the expectations of our customers, business partners and stakeholders. We are committed to work closely with all our associates in making a positive difference in contributing towards the continued development of the Malaysian Takaful industry and the market.

WARGA KERJA BERDEDIKASI & RANGKAIAN KOMPREHENSIF

Oleh kerana warga kerja bagaikan nadi kepada sesebuah Syarikat, kami berkeyakinan bahawa warga kerja yang komited, bekerja dalam persekitaran yang kreatif, dinamik dan memberansangkan mempunyai kebolehan untuk menggerakkan Syarikat ini ke mercu jaya.

Bagi memupuk semangat warga kerja kami sentiasa memberikan dorongan serta motivasi berterusan bagi menggalakkan mereka melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, program latihan dan pembangunan secara bersepadu di adakan dari masa ke semasa bagi setiap warga kerja di semua peringkat. Kami yakin ini akan menyediakan warga kerja kami untuk memenuhi tanggungjawab yang lebih besar dan mencatatkan hasil yang cemerlang.

Takaful IKHLAS beriltizam untuk mewujudkan rangkaian pejabat dan pusat perkhidmatan pelanggan yang menyeluruh, bermula dengan pusat pasaran strategik seperti Kuala Lumpur dan bandar-bandar utama, hinggalah ke seluruh negara.

